

23/01/2002

Tawaran harga Singapura beli air terlalu murah: PM

BANGI, Selasa - Malaysia tidak bersetuju dengan tawaran baru Singapura untuk membeli air mentah dengan harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) kerana ia terlalu murah.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh, Hong Kong membayar RM8 bagi setiap 1,000 gelen air yang diperoleh dari Tanah Besar China.

"Kita ada angka yang lebih daripada itu," kata Perdana Menteri, tetapi enggan menyatakan kadar sebenar dikehendaki Malaysia untuk penjualan air ke negara jiran itu.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata isu berkisar kepada penetapan harga air masih menjadi halangan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia berharap isu itu dapat diselesaikan secepat mungkin. Perbincangan awal isu itu sedang ditangani pada peringkat pegawai kedua-dua negara.

Semalam, Perdana Menteri berkata, walaupun tidak banyak kemajuan dilakukan terhadap isu itu sejak pertemuannya dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew tahun lalu, ia tidak dianggap sebagai kebuntuan.

"Mengikut persetujuan itu (perkara dasar) kita harus bersetuju dengan harga baru. Jadi kita belum lagi bersetuju dalam perkara itu," katanya di Petaling Jaya.

Malaysia kini membekalkan air mentah ke Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli air yang dirawat pada harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen dari Singapura.

Dr Mahathir berkata, harga tiga sen itu ditentukan apabila Singapura mahu menyertai Malaysia pada awal 1960-an dan keadaan persekitaran ketika itu adalah berbeza.

Katanya, perjanjian bekalan air ketika itu dirangka oleh British, yang lebih memihak kepada Singapura kerana British juga menjadi penasihat kepada Kerajaan Johor.

Laporan sebelum ini menyebut, Johor bercadang untuk berhenti membeli air yang dirawat di loji diurus Lembaga Utiliti Singapura selepas tahun ini.

Ketika ini, Johor membekal 910 juta liter air kepada Singapura setiap hari dan membeli semula 130 juta liter air yang sudah dirawat.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan masih mengkaji cadangan Gerbang Perdana Sdn Bhd untuk membina jambatan menghubungkan Malaysia dan Singapura.

(END)